


# PROSES PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN PENGGANTIAN



# KANDUNGAN RANCANGAN TEMPATAN

## DRAF RANCANGAN TEMPATAN (PENGGANTIAN)



## TAHUKAH ANDA?

Pandangan, cadangan dan maklum balas anda boleh dikemukakan dengan mengisi Borang Maklum Balas dan mengembalikan kepada alamat seperti berikut :

**YANG DIPERTUA**  
MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN  
JALAN TANAH PUTIH  
25100 KUANTAN  
PAHANG DARUL MAKMUR  
[U/P : BAHAGIAN PEMBANGUNAN LESTARI]

### MAKLUMAT LANJUT

**Sila hubungi :**  
Pn. Rozina Bt Hazali                      Tel : 09 – 5121 531  
Pn. Sa'diah Bt Harun                      Tel : 09 – 5121 411

# PROGRAM & PUBLISITI PENYERTAAN AWAM

## DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KUANTAN 2035 (PENGGANTIAN)



**PERINGKAT SEMASA**

# SEJARAH KUANTAN

Melalui catatan sejarah, KUANTAN telah wujud semenjak awal tahun 1850-an. Kewujudan Kuantan pada kurun ke 19 adalah bermula sebagai sebuah penempatan. Kewujudan Kuantan ini telah disentuh oleh Abdullah Munsyi pada tahun 1851-52 seperti berikut :

"Hatta pada malam Khamis datanglah sebuah perahu kecil dari KUANTAN. Maka berkhabarlah ia kepada anak-anak perahu mengatakan ada perahu lanun di Tanjung Tujoh, empat puluh buah dan di Pulau Kapas pun ada dan di Pulau Redang pun ada, maka telah didapati dua buah perahu orang Kuantan dan dua buah lepas lari....."

Pada peringkat awalnya Kuantan lebih dikenali dengan nama Kampung Teruntum. Penempatannya adalah di sekitar muara Sungai Kuantan iaitu berhadapan dengan bangunan hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) sekarang. Ia telah dibuka oleh Haji Senik dan pengikut-pengikutnya dalam tahun 1850an. Nama Teruntum ini dikatakan berasal dari pokok Teruntum yang banyak terdapat di pinggir Sungai Kuantan pada ketika itu.

## APA ITU RANCANGAN TEMPATAN (PENGANTIAN)?

Rancangan Tempatan merupakan satu dokumen yang disediakan selaras dengan peruntukan Seksyen 12, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Manual Penyediaan Rancangan Tempatan (Pindaan 2001)

Menurut perutusan di bawah Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), pindaan Rancangan Tempatan boleh dilaksanakan merujuk kepada peruntukan berikut:-

- Subseksyen 16(1) di mana, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) boleh membuat cadangan untuk perubahan, pembatalan atau **penggantian** sesuatu rancangan tempatan.
- Subseksyen 16(2) iaitu, Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada PBPT berkaitan perubahan, pembatalan, atau **penggantian** sesuatu rancangan tempatan dan PBPT hendaklah melaksanakan arahan tersebut dengan secepat yang mungkin.

# KEPERLUAN RT DAERAH KUANTAN 2035 (PENGANTIAN)

Berdasarkan senario semasa, tekanan dan trend pembangunan terkini serta cadangan projek-projek keutamaan negeri; Rancangan Tempatan Daerah Kuantan 2015 (RTDK 2015) dirasakan perlu untuk dikaji semula bagi tujuan mengemaskini peta cadangan guna tanah dan cadangan-cadangan pembangunan sepertimana yang terkandung di dalam Rancangan Tempatan Daerah Kuantan, Pengubahan Rancangan Tempatan Daerah Kuantan 2010-2015 dan Rancangan Tempatan Daerah Kuantan (Pengubahan) ke-2.


## ISU DAN CABARAN

- Memperincikan kajian zon pembangunan semasa dan masa hadapan bagi meminimumkan kesan banjir dan bencana alam sekitar lain.
- Banjir dan sistem perparitan.
- KSAS – Alam sekitar sensitif yang terjejas.
- Memastikan kaedah perlombongan dan pembalakan mampan.
- Pengangkutan dan lalulintas kurang efisien dan mendatangkan masalah penduduk dan pelancong.
- Bandar Kuantan tidak menyerlahkan imej sebenar dalam aspek reka bentuk bandar dan fungsi pelancongan.
- Kualiti air sungai merosot.
- Kawasan industri selain Gebeng kurang menyerlah, tidak kemas dan teratur.

## POTENSI DAN PELUANG

- Kesediaan penduduk dan guna tenaga.
- Fungsi Koridor pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).
- Industri Berteknologi Tinggi dan berasaskan petroleum.
- Hab Pelancongan utama Negeri Pahang dan Pantai Timur.
- Sumber alam semulajadi – mineral dan hutan.
- Kawasan Warisan di Sungai Lembing yang boleh diketengahkan menjadi warisan dunia.
- Kedapatan tanah dan pembangunan perdagangan.
- Pembangunan Kota SAS sebagai pentadbiran baru Negeri Pahang dan boleh membentuk imej bandar dan negeri.
- Cadangan pengangkutan berimpak tinggi (ECRL, Lapangan Terbang dan Pembesaran Pelabuhan).
- Kewujudan titik akses ke lebuh raya dan laluan utama nasional yang perlu dipertingkatkan dan dioptimumkan.

# PROFIL KAWASAN KAJIAN



## PETUNJUK :

Kategori Guna Tanah	Luas (Hek.)	Peratus (%)
Blok Perancangan 1.0 : Kuala Kuantan	79,446.92	26.84
Blok Perancangan 2.0 : Beserah	3,102.72	1.05
Blok Perancangan 3.0 : Sg. Karang	27,248.80	9.20
Blok Perancangan 4.0 : Penor	22,286.16	7.53
Blok Perancangan 5.0 : Hulu Kuantan	88,616.53	29.93
Blok Perancangan 6.0 : Hulu Lepar	75,340.96	25.45
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>296,042.09</b>	<b>100.00</b>

## Lain-lain :

- Petempatan / Taman
- Jalanraya
- Lebuhraya Pantai Timur (LPT)
- Sempadan Mukim
- Sempadan Daerah